

CERPEN "OREN"

Karya: Saifullizan Yahaya



SINOPSIS

Lengkapkan sinopsis berikut dengan mengisi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Oren	melanggar	Kehilangan	Ayah	menawan hati
konflik	memelihara	Kelabu	iri hati	kucing
bermimpi	tumbang	mati	rumah	Anis

Cerpen ini mengisahkan mengenai seekor _____ yang diberi nama _____. _____ yang pada mulanya enggan membenarkan anak-anaknya _____ kucing telah membawa Oren pulang dan dijadikan sebahagian daripada ahli keluarga mereka. Pertanyaan ibu mengenai Oren terjawab juga apabila ayah memberitahu bahawa dia telah _____ ibu Oren. Tidak beberapa lama kemudian, seekor kucing lain juga telah dibawa pulang, iaitu _____ yang akhirnya telah menimbulkan _____ kepada Oren. _____ Oren telah disedari oleh ayah dan seisi keluarga. Mereka mengaitkan kehilangan itu dengan sikap Oren yang berasa _____ dengan Kelabu yang berjaya _____ mereka sekeluarga. Setelah ketiadaan Oren, ayah amat berasa kehilangannya sehingga _____. Oren pulang ke _____ tetapi realitinya Oren telah ditemui _____ oleh _____ di celah pokok tua yang _____.

WATAK & PERWATAKAN

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



WATAK: _____

PERWATAKAN:


- seekor kucing yang mempunyai bulu yang berwarna _____.
- dibela sejak kecil selepas kematian _____nya.
- seekor kucing yang suka mengalah contohnya, memakan sisa makanan selepas _____ makan.
- menghilangkan diri dari rumah kerana merajuk dengan _____ yang melebih-lebihkan Kelabu.



WATAK: _____

PERWATAKAN:

- salah seekor daripada kucing belaan ayah.
- dinamakan _____ sempena bulu badannya yang berwarna kelabu.
- menjadi saingan kepada _____ dalam merebut perhatian daripada ayah dan keluarganya.
- digambarkan sebagai kucing yang tidak tahu membuang _____nya.
- _____ bermanja dan menggesel-geselkan badannya ke kaki ayah.



WATAK: _____

PERWATAKAN:

- seorang ayah yang _____.
- membela dua ekor _____, iaitu Oren dan Kelabu.
- hilang selera makan setelah menyedari kehilangan _____.
- menunjukkan kasih sayang kepada Oren dengan membelai-belai bulu di badan _____.
- merindui Oren, sehingga _____ jumpa Oren.
- menangis _____ Oren.

PILIHAN JAWABAN (jawapan berulang)

oren	pandai	Kelabu	kucing
najis	ibu	penyayang	ayah
kematian	bermimpi		

NILAI & PENGAJARAN

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



- _____. Contohnya, ayah dan keluarganya menyayangi kucing peliharaan mereka.
- _____. Contohnya, ayah bertanggungjawab memelihara Oren selepas kematian ibunya.
- _____. Contohnya, ayah memberikan makanan yang berkhasiat kepada kucing peliharaannya

Pilihan Jawaban:

Kasih sayang	Baik hati	Bertanggungjawab
--------------	-----------	------------------

PENGAJARAN

- Kita hendaklah mengamalkan sikap _____ walaupun kepada makhluk selain manusia.
- Kita perlulah _____ dalam melakukan sesuatu perbuatan dan tidak menganiayai orang lain,
- Sifat _____ adalah sifat yang terpuji dan perlu diamalkan oleh semua orang untuk menjamin kesejahteraan dalam hidup.



Pilihan Jawaban:

Kasih sayang	Baik hati	Bertanggungjawab
--------------	-----------	------------------